



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# GARIS PANDUAN KNOWLEDGE TRANSFER GRANT SCHEME JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (KTGS JINM)

(TAHUN 2014)

**PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC)  
(SEKRETARIAT SKIM GERAN PROGRAM KHIDMATKOMUNITI (KTGS)  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM SERDANG  
TEL: 03-89471801/1812/1814 FAKS: 03- 89464107/4114  
EMEL : [uctc\\_ktgs@upm.edu.my](mailto:uctc_ktgs@upm.edu.my) / [ktgsjinmupm@gmail.com](mailto:ktgsjinmupm@gmail.com)**

## KANDUNGAN

1.	LATAR BELAKANG DAN TUJUAN .....	2
2.	SKOP GERAN KTGS JINM.....	2
3.	KRITERIA PERMOHONAN SKIM GERAN .....	2
4.	PROSES PERMOHONAN GERAN.....	3
4.1	Pengumuman tarikh buka dan tutup permohonan .....	3
4.2	Permohonan.....	3
4.3	Proses Penilaian.....	3
4.4	Projek yang berjaya .....	3
5.	PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN SKIM GERAN .....	3
5.1	Vot 11000 - Upah dan Elaun.....	3
5.2	Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan .....	4
5.3	Vot 23000 - Perhubungan dan Utiliti .....	4
5.4	Vot 24000 - Sewaan .....	4
5.5	Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Program .....	4
5.6	Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas .....	4
5.7	Vot 35000 - Aksesori, Peralatan dan Perisian .....	4
6.	IMPLIMENTASI PROJEK KTGS JINM .....	4
7.	HASIL PROJEK KTGS JINM.....	5
7.1	Hasil Perpindahan Ilmu .....	5
7.2	Penerbitan .....	5
8.	LAMPIRAN.....	5
8.1	Tujuh Kluster Khidmat Komuniti L1.....	5
8.2	Lima Belas Program Khidmat Komuniti L2 .....	5
8.3	Contoh Penarafan Bintang Aktiviti Jaringan Komuniti ( <i>Start Rating</i> ) L3 .....	5
8.4	Resume ( <i>Curriculum Vitae</i> ) L4 .....	5

## **GARIS PANDUAN *KNOWLEDGE TRANSFER GRANT SCHEME* JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (KTGS JINM)**

### 1. LATAR BELAKANG DAN TUJUAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) merupakan satu entiti dibawah Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bertanggungjawab memacu program komuniti universiti berdasarkan kepada Matlamat Universiti ke-3 UPM iaitu Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat. Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) sebagai entiti di bawah JINM telah diamanahkan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu dan pengembangan. Bagi mencapai matlamat tersebut, UCTC memainkan peranan untuk mendapatkan dana bagi menjayakan program komuniti melalui pemindahan ilmu dan pengembangan. Salah satu sumber dana yang boleh dipohon oleh academia di UPM untuk menjayakan aktiviti pemindahan ilmu dan pengembangan ialah "*Knowledge Transfer Grant Scheme JINM*" (KTGS JINM) dimana sumber dana adalah peruntukan khas daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UPM. Pengagihan dana ini adalah tanggungjawab UCTC. Tujuan skim geran ini adalah untuk membentuk para academia dalam menyampaikan dan memindahkan ilmu hasil dari penyelidikan mereka kepada industri atau komuniti sasaran.

### 2. SKOP GERAN KTGS JINM

Pembiayaan geran KTGS JINM adalah berasaskan bidang tumpuan utama universiti berasaskan kluster yang telah dikenalpasti dibawah JINM UPM seperti berikut:

- i. Komuniti Setempat
- ii. Komuniti Pertanian
- iii. Belia
- iv. Warga emas
- v. Pesakit kanser
- vi. Orang Asli
- vii. Pendidikan kanak-kanak

### 3. KRITERIA PERMOHONAN SKIM GERAN

Geran ini terbuka kepada pegawai akademik UPM dengan syarat-syarat berikut:

1. Pemohon merupakan pegawai akademik tetap dan kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah).
2. Setiap projek yang dipohon perlulah bekerjasama dengan komuniti/industri seperti yang tertera dalam skop geran KTGS JINM.
3. Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling RM 40,000.00.
4. Tempoh projek mestilah tidak melebihi 12 bulan. Tempoh minima ialah 6 bulan.
5. Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua bagi satu projek dalam satu-satu masa.

6. Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua projek. Walau bagaimanapun beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan projek berkenaan.
7. Pensyarah kontrak boleh menjadi ketua projek tetapi mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang pensyarah tetap sebagai ahli projek.
8. Ketua Projek yang berpindah IPT hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan projek berkenaan.
9. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu produk, metodologi teknologi sebagai kepakaran bagi mewakili aspek yang akan dipindahkan berkaitan dengan permohonan.

#### 4. PROSES PERMOHONAN GERAN

- 4.1 Pengumuman tarikh buka dan tutup permohonan  
Permohonan geran projek ini ditawarkan sekali setahun. UCTC akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan dan maklumat akan disebarikan melalui Buletin Putra dan laman sesawang UCTC.
- 4.2 Permohonan  
Pemohon dikehendaki memuat turun borang permohonan KTGS JINM dari laman sesawang UCTC ([www.uctc.upm.edu.my](http://www.uctc.upm.edu.my)). Borang permohonan yang lengkap dan diperakukan oleh Ketua di PTJ masing-masing hendaklah diisi dalam 3 salinan dan dihantar kepada pihak urusetia geran ke alamat dan emel seperti berikut:

Pengarah  
Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)  
(Sekretariat Skim Geran Program Khidmat Komuniti (KTGS))  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Tel: 03-89471801/1812/1814 Faks: 03- 89464107/4114  
Emel : [uctc\\_ktgs@upm.edu.my](mailto:uctc_ktgs@upm.edu.my) / [ktgsjinmupm@gmail.com](mailto:ktgsjinmupm@gmail.com)

- 4.3 Proses Penilaian  
Penilaian kesesuaian projek geran KTGS JINM merupakan tanggungjawab Jawatankuasa Panel Penilai yang dilantik oleh UCTC. Keutamaan akan diberikan kepada projek yang dapat menghasilkan perpindahan ilmu yang memberi impak kepada komuniti dan kumpulan sasaran.
- 4.4 Projek yang berjaya  
Maklumat projek yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis kepada ketua projek yang berjaya dan salinan akan diberikan kepada ketua PTJ masing-masing. Ketua projek boleh berhubung dengan pihak UCTC berkenaan urusan pembukaan akaun amanah projek tersebut.

#### 5. PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN SKIM GERAN

##### 5.1 Vot 11000 - Upah dan Elaun

Siling upah dan elaun tidak melebihi RM1500 sebulan.

## 5.2 Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan menghadiri persidangan dan yang berkaitan atau pengkomersilan dalam negara dan luar negara adalah tidak dibenarkan.

## 5.3 Vot 23000 - Perhubungan dan Utiliti

Pembiayaan telefon, fax, pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspress tidak termasuk pos bungkusan.

## 5.4 Vot 24000 - Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan program sahaja.

## 5.5 Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Program

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan program sahaja dibenarkan.

## 5.6 Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek. Pembayaran yuran persidangan tempatan adalah dibenarkan

## 5.7 Vot 35000 - Aksesori, Peralatan dan Perisian

Hanya pembelian alatan khas dan aksesori untuk projek berkaitan sahaja dibenarkan. Sila berikan justifikasi alat yang dipohon. Pembelian aset tidak dibenarkan.

## 6. IMPLIMENTASI PROJEK KTGS JINM

Semua projek yang diluluskan dibawah skim KTGS JINM akan dipantau dari aspek prestasi projek seperti berikut:

- Laporan Kemajuan Berkala (LKB): setiap 3 bulan
- Laporan Akhir: 3 bulan selepas tamat tempoh projek

Laporan hendaklah mengikut format yang ditetapkan oleh UCTC (boleh dimuat turun daripada laman sesawang UCTC)

## 7. HASIL PROJEK KTGS JINM

### 7.1 Hasil Perpindahan Ilmu

Hasil perpindahan ilmu akan diukur dalam bentuk penarafan bintang (*star rating*) - Rujuk L3.

### 7.2 Penerbitan

Dokumentasi hasil projek akan diterbitkan dalam bentuk jurnal keluaran khas (PERTANIKA) atau Prosiding bertaraf Scopus dan diselaraskan oleh UCTC UPM. Setiap ketua projek bertanggungjawab untuk menghantar artikel dalam bentuk jurnal bersama laporan akhir projek. Namun penerbitan lain dalam bentuk manual, monograf, penerbitan akhbar dan harta interlek adalah amat digalakkan.

## 8. LAMPIRAN

8.1 Tujuh Kluster Khidmat Komuniti L1

8.2 Lima Belas Program Khidmat Komuniti L2

8.3 Contoh Penarafan Bintang Aktiviti Jaringan Komuniti (*Start Rating*) L3

8.4 Resume (*Curriculum Vitae*) L4